

02 MAR 2004

MALAYSIA-MM CIP

MM CIP AKAN DIKELUARKAN DI MALAYSIA SEBELUM AKHIR TAHUN

KUALA LUMPUR, 2 Mac (Bernama) -- Microcip Malaysia, yang lebih dikenali sebagai MM Cip dijangka dapat dihasilkan di kilang Silterra Malaysia Sdn Bhd, syarikat pengeluar semi-konduktor milik kerajaan yang berpangkalan di Taman Teknologi Tinggi Kulim, sebelum akhir tahun ini.

Ketua Eksekutif FEC (M) Sdn Bhd (FEC Malaysia) Kunioki Ichioka berkata untuk permulaan, cip itu akan dikeluarkan di Jepun pada kos 10 yen (kira-kira 38 sen) setiap cip.

Kos itu akan dikurangkan lagi pada masa depan, kata beliau pada satu taklimat yang diadakan untuk menerangkan mengenai perkembangan pembangunan cip berkenaan di sini.

"Pada masa ini, kami sedang melakukan ujian penilaian untuk MM Cip, dan sampel kejuruteraan dijadual siap pada bulan April," kata Ichioka.

MM Cip ialah cip tanpa sentuh pertama di dunia dan beroperasi pada frekuensi daripada 13.56 MHz kepada 2.45GHz.

Ia merupakan cip pelbagai jalur (litar bersepadu) di dunia, yang pertama mempunyai kaedah penulisan data 'infrarad' dan cip antena terbina dalaman terkecil di dunia, boleh dibaca dan boleh ditulis.

Kerajaan Malaysia mengambilalih hak harta MM Cip daripada pemaju semikonduktor Jepun FEC Inc dengan jumlah yang tidak diberitahu pada bulan September tahun lepas.

FEC Malaysia merupakan usaha sama antara kerajaan Malaysia dan FEC Inc untuk melaksanakan pembangunan perniagaan itu untuk MM Cip.

Pengarah Eksekutif FEC Malaysia, Major Jen (B) Datuk Gophal Ramdas berkata model sampel kejuruteraan itu akan siap dalam tempoh tiga minggu, sementara sampel teknikal akan mengambil masa tiga minggu lagi untuk siap.

Ramdas berkata pengeluaran itu akan dibuat di Jepun terlebih dahulu memandangkan kemudahan-kemudahan di Malaysia belum lagi siap.

Beliau menjangkakan permintaan untuk MM Cip akan melebihi bekalan.

Beliau berkata Iris Corporation Bhd mahu memesan 100 juta cip, sementara China merupakan pasaran besar yang berpotensi.

Ichioka, yang juga merupakan CEO FEC Inc berkata beberapa negara seperti China, Taiwan, Kanada, AS dan Australia turut melahirkan minat untuk mendapatkan cip-cip berkenaan.

Beliau berkata China berminat untuk menyertai projek nasional Malaysia sementara Kanada dan Australia berminat untuk menggunakannya bagi kad pengenalan (ID) mereka dan Mexico pula berminat menggunakannya bagi kad pilihan raya.

Di Jepun, beliau berkata Toppan Forms Co Ltd telah memperkenalkan cip itu di astaka pamerannya di Pameran "IC Card World 2004" di Tokyo.

"Kami juga menimbangkan cadangan untuk membentuk hubungan kerja dengan Auto-ID Labs, Jepun, sebuah pertubuhan yang telah menunjukkan minat terhadap cip berkenaan," kata beliau.

Beliau menambah yang Auto-ID Labs merupakan salah sebuah pertubuhan antarabangsa yang menggunakan standard global untuk pengenalan frekuensi radio (RFID).

Beliau berkata FEC Malaysia telahpun berbincang dengan Iris Corporation bagi aplikasi cip dan sedang mengusahakan cadangan untuk dikemukakan kepada beberapa kementerian.

Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, penyokong utama MM Cip berkata prototaip cip telah dibukti sebagai boleh berjaya dan sektor-sektor swasta tidak sabar-sabar untuk menggunakan cip itu.

"Itu merupakan perkembangan baik untuk kita. Mengenai aplikasi pula, ia terpulang kepada kita untuk mencari pelbagai aplikasi," kata beliau ketika ditanya mengenai perkembangan cip berkenaan.

Dr Mahathir berkata MM Cip adalah untuk kegunaan seluruh dunia bagi rangkaian aplikasi dan Malaysia akan mengeluarkan, membekal dan memberi lesen untuk penggunaannya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr Rais Yatim, yang juga merupakan pengerusi Jawatankuasa MM berkata kepentingan penggunaan cip seperti dalam pengenalan dan tag telahpun ditunjukkan kepada pelbagai kementerian dan maklum balas yang diterima amat menggalakkan.

Jawatankuasa MM merupakan badan bebas yang dibentuk bagi melulus dan memantau penggunaan MM Cip di dalam dan luar negara secara menyeluruh.

Selain daripada Dr Rais, anggota-anggota lain ialah Tan Sri Dr Zaharudin Idrus (Penasihat Sains kepada Perdana Menteri), Datuk Dr Mohamed Arif Nun (CEO Multimedia Development Corporation), Abdul Rahim Mokti yang mewakili Kementerian Kewangan dan Ichioka. -- BERNAMA

MSL/RZR FR AA